

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA: 5(B)(VII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

9. Apakah rancangan transformasi jangka pendek dan panjang untuk Tapak Pesta Sungai Nibong?
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memindahkan penganjuran Pesta Pulau Pinang ke lokasi lain?
 - (b) Kenapa Kerajaan Negeri tidak menjadikan Tapak Pesta sebagai sebuah destinasi pelancongan untuk pemasaran produk-produk tempatan?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

9. Buat masa ini tiada rancangan transformasi jangka pendek maupun jangka panjang bagi Tapak Pesta Sungai Nibong memandangkan tapak ini terlibat dengan Pelan Induk Pengangkutan Awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PTMP). Dalam PTMP ini, satu laluan LRT yang dinamakan LRT Bayan Lepas (BLLRT) akan dibina bermula daripada KOMTAR sehingga ke Teluk Kumbar. Salah satu cadangan stesen dalam laluan BLLRT ini adalah Stesen Pesta yang dijangka akan turut melibatkan Tapak Pesta Sungai Nibong. Walau bagaimanapun, tapak ini sentiasa dibaikpulih dan diselenggara untuk penganjuran Pesta Pulau Pinang setiap tahun.
 - (i) Setakat ini tiada perancangan untuk memindahkan lokasi Penganjuran Tapak Pesta Pulau Pinang. Lokasi sedia ada adalah lokasi yang strategik dan telah dikenali ramai sepanjang penganjuran Pesta Pulau Pinang yang melebihi lima (5) dekad lamanya.
 - (ii) Pesta Pulau Pinang diadakan di Tapak Pesta Pulau Pinang di Sungai Nibong pada bulan Disember setiap tahun dan

sebagai satu tarikan utama dalam kalender pelancongan di Pulau Pinang. Kebanyakan gerai jualan yang beroperasi sepanjang Pesta Pulau Pinang menjual produk-produk keluaran tempatan seperti makanan, pakaian dan sebagainya. Secara tidak langsung, produk-produk tempatan turut dipromosi di sini. Dari bulan Januari hingga November pula, tapak ini digunakan bagi pelbagai tujuan yang lain dan juga sewaan dari individu serta syarikat swasta untuk mengadakan pelbagai majlis, karnival dan jualan. Oleh itu, aktiviti pemasaran produk-produk tempatan turut berlaku semasa karnival dan jualan ini berlangsung. Aktiviti pemasaran produk-produk tempatan sentiasa dialukan di sini.

